

## **PERCERAIAN DAN KESANNYA TERHADAP ANAK-ANAK**

Maryam Jameelah, S. (Corresponding Author)

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +60179349193 E-mail: [maryamjameelah4605@gmail.com](mailto:maryamjameelah4605@gmail.com)

Zul-kifli, H.

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +60194114509 E-mail: [zul-kifli@usas.edu.my](mailto:zul-kifli@usas.edu.my)

### **Abstrak**

Perkahwinan adalah sunnah Nabi SAW dan hakikatnya ia menepati fitrah manusia. Setiap pasangan yang bernikah lazimnya akan berusaha untuk mewujudkan keharmonian dan akan mempertahankan rumah tangga mereka daripada sebarang gangguan dan konflik. Namun, perceraian tidak dapat dielakkan jika itu satu-satunya cara penyelesaian yang ada. Walaupun Islam membenarkan perceraian, namun ibu bapa yang terpaksa memilih perceraian perlu mengambil kira implikasinya terhadap anak-anak mereka. Oleh kerana anak-anak perlu diberikan perhatian dan kasih sayang, maka anak-anak yang berlatarkan ibu bapa yang bercerai sedikit sebanyak memberi kesan khususnya kepada emosi mereka. Kajian ini berhasrat membandingkan perbezaan sikap anak-anak hasil daripada perceraian secara harmoni dan tidak harmoni. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif ini akan mendapatkan data daripada anak-anak yang berlatarbelakangkan demikian melalui kaedah temu bual separa berstruktur dan seterusnya data dianalisis secara tekstual dan tematik. Dapatan kajian telah menyokong literatur terdahulu bahawa anak-anak daripada latar belakang keluarga yang bercerai ini mempunyai kesan yang negatif kepada kehidupan mereka. Hasil kajian juga menyenaraikan beberapa perkara negatif yang berlaku kepada anak-anak seperti tekanan perasaan, perubahan tingkah laku, memberontak, hilang kasih sayang dan kekurangan sumber kewangan. Kajian seterusnya yang dicadangkan adalah berkaitan langkah-langkah ibu bapa yang bercerai dalam memberi kasih sayang kepada anak-anak.

**Kata Kunci:** Akta undang-undang, Cerai, Emosi, Kesan, Perkahwinan

### **Abstract**

Marriage is the Sunnah of the Prophet Muhammad (peace be upon him) and fundamentally aligns with human nature. Every married couple typically strives to foster harmony and protect their household from any disturbances and conflicts. However, divorce cannot be avoided if it is the only available solution. Although Islam permits divorce, parents compelled to choose this path must consider its implications on their children. Since children require attention and affection, children from divorced parents are inevitably affected, especially emotionally. This study aims to compare the attitudes of children resulting from harmonious and discordant divorces. To achieve this objective, this qualitative study will collect data from children with

such backgrounds through semi-structured interviews, followed by textual and thematic analysis. The study findings support past literature, indicating that children from divorced families have profoundly negative impacts on their lives. The research results also enumerate several negative outcomes for children, such as emotional stress, behavioral changes, rebellion, loss of affection, and financial scarcity. Future research should focus on strategies divorced parents can employ to provide love and care to their children.

**Keywords:** *Legal Acts, Divorce, Emotions, Effects, Marriage*

---

## Pendahuluan

Secara umumnya, umat Islam sedia maknum bahawa Islam membenarkan perceraian. Jika Islam membenarkan perceraian, ini bererti dalam masyarakat Islam akan ada suami-isteri yang bercerai (Hajah Siti Fatimah, 2002). Kebenaran yang diberikan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya tanpa sebab yang syarie. Hal ini adalah kerana perceraian merupakan sesuatu yang sangat tidak disukai oleh Allah SWT sebagaimana sabda Nabi SAW:

"أبغض الحلال إلى الله تعالى الطلاق"

"Halal yang paling dibenci oleh Allah adalah talak".

(HR. Abu Dawud, no. 2178)

Sayyid Sabiq (2004) mentakrifkan talaq sebagai melepaskan ikatan perkahwinan dan mengakhiri hubungan perkahwinan. Perceraian merupakan keputusan yang terakhir sekiranya masalah rumah tangga yang dihadapi gagal untuk dipertahankan. Apabila berlaku perceraian, ia akan memberi kesan kepada seluruh jajaran kekeluargaan yang terdiri daripada ipar-duai, mentua, besan dan khususnya anak-anak.

Situasi semasa menunjukkan bahawa perceraian seolah-olah menjadi perkara biasa. Perceraian juga tidak bergantung kepada tempoh baharu dan lama dalam tempoh perkahwinan seseorang. Hal ini adalah kerana tempoh perkahwinan bukanlah suatu jaminan kepada keharmonian melainkan setiap pihak berusaha mempertahankan rumah tangga. Sekiranya perceraian berlaku, anak-anak perlulah dimaklumkan sebab dan puncanya agar anak-anak dapat mengetahui apakah sebab yang menyebabkan ibu bapa mereka bercerai. Maklumat tersebut sedikit sebanyak dapat menghindari anak-anak daripada berfikiran negatif terhadap ibu bapa mereka.

Kajian menunjukkan bahawa punca berlakunya perceraian dalam rumah tangga adalah disebabkan faktor personaliti, masalah seksualiti, komunikasi, campur tangan pihak ketiga, penyalahgunaan dadah, kurang didikan agama, pengabaian tanggungjawab, dan faktor ditinggalkan pasangan. Selain itu, antara penemuan terkini yang dikenal pasti adalah gangguan sihir yang dilihat turut menyumbang punca kepada perceraian dalam kalangan dewasa pertengahan (Noor Syaibah, 2016). Walaupun pelbagai punca dan alasan yang diberikan, pasangan sepatutnya menyelesaikan konflik tersebut dengan cara baik khususnya melalui perbincangan. Kaedah terkini adalah menerusi mediasi atau mendapat khidmat nasihat di mana-mana pejabat agama negeri masing-masing. Hal ini adalah kerana sesuatu masalah tidak akan selesai jika hanya diusahakan oleh sebelah pihak sahaja. Secara rasionalnya, pasangan yang bermasalah mempunyai potensi yang tipis untuk melahirkan suasana keluarga yang sakinah mawaddah dan rahmah. Betapa banyaknya kajian yang membuktikan hal tersebut,

namun pasangan-pasangan ini masih melakukannya meskipun mereka tahu kesannya kepada anak-anak. Sekiranya keadaan ini berterusan, maka hasrat untuk mencipta masyarakat madani tidak pasti akan tercapai kerana pembentukan negara seharusnya bermula dari rumah. Bagaimana dapat diwujudkan masyarakat madani seandainya penduduknya terdiri daripada kalangan warga yang bermasalah dari segi kesihatan mental.

Justeru, objektif kajian ini ialah mengkaji perbezaan karakter anak-anak terhadap ibu bapa bercerai secara harmoni atau tidak harmoni. Pengenalpastian dari aspek karakter ini amat signifikan lantaran ia dapat dijadikan asas dan input kepada pihak-pihak berautoriti dan juga komuniti masyarakat agar langkah-langkah pencegahan sama ada jangka panjang dan jangka pendek dapat dirintis dengan kadar segera.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif. Melalui pemilihan kaedah ini, pengkaji dapat menyiasat responden dan boleh mengumpulkan maklumat sebanyak mungkin dan dapat membuat kesimpulan secara menyeluruh terhadap kajian yang ingin dilaksanakan. Data kualitatif dikumpulkan melalui unsur-unsur percakapan (temu bual), melihat kejadian sebenar (pemerhatian) dan mendapatkan bukti yang mencukupi (dokumen) (Ghazali, 2021).

Berdasarkan definisi tersebut, kajian ini melibatkan dua jenis sumber data, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi melalui kaedah temu bual separa berstruktur bagi memperoleh sendiri perasaan anak-anak terhadap kesan perceraian ibu bapa mereka. Anak-anak tersebut dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) kerana pemilihan peserta kajian berdasarkan pertimbangan untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan tujuan kajian (Babbie, 2010). Data sekunder pula berfungsi menyokong data primer yang melibatkan pembacaan jurnal, artikel, berita, buku dan beberapa laman web.

Data daripada kedua-dua sumber tersebut dianalisis menggunakan analisis tekstual dan kaedah tematik. Analisis tematik adalah metode bagi menganalisis data kualitatif berdasarkan pembacaan melalui sekumpulan data dan mencari pola makna data untuk menemukan tema (Virginia, 2006). Tema-tema ini akan diperolehi menerusi jawapan-jawapan responden yang telah ditranskripsikan secara verbatim.

## **Sorotan Kajian**

Kajian tentang emosi anak-anak akibat perceraian ibu bapa bukanlah isu baharu. Terdapat beberapa kajian berkaitan isu tersebut.

Kajian daripada Norhayati (2016) menyatakan bahawa remaja perempuan lebih ter dorong dengan emosi positif seperti emosi sayang. Manakala informan lelaki lebih ter dorong dengan emosi negatif iaitu benci dan marah. Selain itu, emosi sedih dan malu lebih tertumpu kepada remaja perempuan berbanding lelaki. Kajian ini bertajuk Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu Penelitian Ekspresi Emosi. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual bagi mengumpul data dan maklumat tentang remaja secara mendalam. Artikel ini bertujuan mengenal pasti jenis emosi dan pengurusan emosi remaja mengikut gender dalam kalangan remaja yang mengalami krisis keluarga bercerai.

Begitu juga kajian Fitriah Hayati (2016) yang bertajuk Profil keluarga bercerai dan pengaruhnya terhadap perkembangan sosial emosional anak yang telah menyimpulkan bahawa perceraian memberikan dampak negatif terhadap perkembangan sosial emosional anak. Sebahagian besar anak mengalami kesulitan dalam perkembangan konsep diri, kesulitan dalam mengendalikan emosi, tidak mampu membangunkan hubungan yang baik dalam lingkungan dan dengan rakan sebaya. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif melalui 10 anak dari pasangan bercerai. Manakala objektif kajian ini adalah mengetahui pengaruh yang ditimbulkan terhadap perkembangan anak khususnya sosial emosional.

Nuraimrah et al., (2019) dalam kajian bertajuk Kesan perceraian ke atas kanak-kanak: Perspektif Pekerja menyatakan bahawa statistik menunjukkan banyak kes perceraian berlaku dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan yang melibatkan pasangan dan anak-anak. Ia dapat memberi kesan negatif terhadap keruntuhan institusi kekeluargaan di Malaysia. Keputusan menunjukkan terdapat tiga kesan utama psikologi, perubahan dalam tingkah laku dan kekurangan sumber kewangan. Perubahan daripada struktur keluarga teras kepada keluarga ibu bapa tunggal juga membawa kepada perubahan dalam kehidupan. Kajian bertujuan mengkaji psikososial kesan dalam kalangan kanak-kanak dalam keluarga bercerai. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan fenomenologi. Pengkaji menggunakan soalan berbentuk separa berstruktur dan terbuka bagi membantu informan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan lebih mendalam.

Antara penulisan lepas yang ditemui juga adalah kajian yang bertajuk Emosi pelajar akibat perceraian ibu bapa. Kajian ini dikarang oleh Siti Nor Syafiqah (2019). Kajian ini bertujuan mengenal pasti keadaan emosi dalam kalangan pelajar cemerlang yang ibu bapa bercerai dan bagaimanakah mereka menguruskan emosi tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan naratif analisis terhadap data temu bual separa berstruktur yang diperolehi daripada lima orang pelajar yang dipilih secara persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden mengalami emosi negatif seperti sedih, marah, tertekan dan rasa kehilangan. Namun, mereka turut mengalami emosi positif iaitu reda, terima dan bersyukur. Oleh yang demikian, kajian ini membuktikan bahawa pelajar cemerlang dari kalangan ibu bapa bercerai berupaya menguruskan emosi mereka melalui kekuatan diri sendiri dan mendapat sokongan dari ibu bapa dan orang lain.

Kesimpulannya, berdasarkan tinjauan sorotan literatur yang dikemukakan masih terdapat ruang-ruang untuk kajian kesan perceraian terhadap anak-anak kerana tajuk yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji tiada kaitan langsung dengan tajuk sorotan literatur yang lepas. Oleh yang demikian, tajuk yang dipilih oleh pengkaji amat sesuai bagi mendapatkan jawapan setiap persoalan.

## Dapatan Kajian

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa perceraian sememangnya memberi kesan kepada anak-anak. Lima kesan kepada anak-anak iaitu faktor yang berkait dengan ketiadaan ibu bapa yang menyebabkan kurang perhatian dan penyeliaan, penyesuaian penjagaan ibu bapa terhadap anak-anak, perubahan kedudukan ekonomi, timbul konflik keluarga dan perubahan-perubahan hidup yang memberi tekanan (Siti Fatimah, 2002).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, seramai empat orang responden dipilih berdasarkan dua kategori iaitu anak-anak ibu bapa bercerai secara harmoni dan secara tidak harmoni. Kesemua responden berbeza latar belakang, umur dan jantina. Pengkaji mengkhususkan

kepada dua aspek lain iaitu umur dan jantina. Responden mestilah tidak melepassi umur 13-25 tahun dan responden dipilih dalam kalangan lelaki dan perempuan remaja sahaja. Hasil temu bual data dipecahkan kepada beberapa tema. Tema utama dalam dapatan ini adalah membandingkan perbezaan sikap anak-anak melalui perceraian secara harmoni dan tidak harmoni. Manakala sub-sub tema dibangunkan oleh pengkaji melalui soalan yang disediakan kepada responden bagi menjawab persoalan terhadap tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji berdasarkan anak-anak ibu bapa bercerai secara harmoni atau tidak harmoni.

Kajian ini cenderung ke arah mengenal pasti perbandingan di antara perceraian secara harmoni dan tidak harmoni. Terdapat enam soalan yang disediakan kepada responden. Soalan-soalan berkaitan dengan mengenal pasti sebab perceraian, mengetahui perceraian secara harmoni atau sebaliknya, perasaan apabila mengetahui ibu bapa bercerai, kesan emosi, wujud perasaan dendam, benci atau memberontak dan pesanan kepada ibu bapa bercerai yang mempunyai anak. Berdasarkan soalan tersebut, responden akan meluahkan perasaan mereka melalui pendapat masing-masing terhadap kesan perceraian ibu bapa. Setiap maklumat yang diperolehi akan dianalisis dan dijelaskan bagi setiap persoalan. Pengkaji menyenaraikan setiap persoalan berdasarkan jadual 1 di bawah.

Empat responden terbahagi kepada dua kategori iaitu seorang responden bercerai secara tidak harmoni (R1) dan tiga responden bercerai secara harmoni, R1 merupakan responden perempuan (cerai secara tidak harmoni), manakala responden yang lain merupakan perceraian ibu bapa secara harmoni. R1, R2, R3 perempuan, manakala R4 adalah lelaki.

**Jadual 1:** Sebab Perceraian Ibu Bapa

Responden	Tidak Sefahaman	Penagih Dadah	Panas Baran	Orang Ketiga	Tidak Nafkah
R1 (P)	√	√	√	√	√
R2 (P)	√				
R3 (P)				√	
R4 (L)	√				

Sumber: Temu Bual

Secara keseluruhannya, kesemua responden memberi sebab yang berbeza tentang perceraian kedua ibu bapa mereka. Selain itu, melalui soalan, dapat dilihat bahawa responden mengetahui punca perceraian ibu bapa yang berlaku dalam keluarga mereka. Kesemua responden berpendapat bahawa perceraian yang berlaku antara ibu bapa mereka mempunyai alasan dan sebab tetap.

**Jadual 2:** Perceraian Secara Harmoni atau Tidak Harmoni

Responden	Secara Harmoni	Tidak Harmoni
R1		√
R2	√	
R3	√	
R4	√	

Sumber : Temu bual

Berdasarkan jadual 2, hanya responden R1 merupakan perceraian ibu bapa yang berlaku secara tidak harmoni atau pergaduhan. Manakala responden R2, R3 dan R4 berlatarkan perceraian ibu bapa secara harmoni tanpa melibatkan pertikaian pergaduhan atau gangguan antara kedua belah pihak untuk bercerai.

**Jadual 3:** Perasaan Terhadap Perceraian Ibu Bapa

Responden	Positif	Negatif
R1		√
R2		√
R3		√
R4		√

Sumber : Temu bual

Berdasarkan jadual 3, kesemua responden meluahkan perasaan negatif terhadap kesan perceraian ibu bapa mereka. Setiap luahan perasaan yang diluahkan mempunyai pandangan tersendiri terhadap situasi yang dilalui oleh responden.

**Jadual 4:** Kesan Emosi Terhadap Perceraian Ibu Bapa

Responden	Stabil	Tidak Stabil
R1		√
R2		√
R3		√
R4		√

Sumber : Temu bual

Berdasarkan jadual 4, dibuktikan bahawa perceraian ibu bapa menyumbang kepada emosi anak-anak menjadi tidak stabil. Hal ini adalah kerana, kesemua responden menjawab soalan ke arah membawa kepada ketidakstabilan emosi. Meskipun R2, R3 dan R4 bercerai secara harmoni, namun ia turut menyumbang kepada emosi tidak stabil kepada anak-anak.

**Jadual 5:** Perasaan Dendam, Benci, Memberontak Terhadap Tindakan Ibu Bapa

Responden	Ada	Tiada
R1	√	
R2		√
R3	√	
R4		√

Sumber : Temu bual

Secara keseluruhannya, responden mempunyai perasaan yang berbeza terhadap perceraian ibu bapa mereka. R1 dan R3 menyatakan mempunyai perasaan tersebut terhadap ibu atau bapa penyebab perceraian itu. Manakala R2 dan R4 tidak menzahirkan apa-apa perasaan terhadap tindakan perceraian.

### Jadual 6: Adakah Ada Pesanan Kepada Ibubapa Bercerai Ada Anak

Responden	Ada	Tiada
R1	✓	
R2	✓	
R3	✓	
R4	✓	

Sumber : Temu bual

Berdasarkan jadual 6, kesemua responden mempunyai pesanan dan nasihat kepada ibu bapa bercerai yang mempunyai anak-anak. Pesanan dan nasihat yang diberikan berdasarkan pandangan yang berbeza dari setiap responden. Kajian oleh Nuraimirah et.al. (2019) telah dikenal pasti kesan-kesan terhadap anak-anak yang berlatarbelakangkan keluarga bercerai iaitu melibatkan kesan psikologi, perubahan tingkah laku dan kekurangan sumber kewangan.

Anak-anak yang berhadapan dengan masalah kekurangan sumber kewangan boleh menyebabkan mereka berhenti daripada meneruskan persekolahan akibat daripada kekurangan sumber kewangan. Hal ini disebabkan anak-anak dibesarkan dalam keadaan kurang memenuhi keperluan harian mereka sehingga mereka terpaksa berhenti sekolah. Selain itu, masalah kewangan boleh menjerumus anak-anak dalam jenayah dan gejala sosial.

### Perbincangan

Perkahwinan adalah tuntutan dari Allah SWT yang mesti dijaga oleh suami isteri bagi memastikan rumah tangga yang dibina kekal bahagia. Hal ini dapat memupuk dan melahirkan rasa saling mencintai dan menyayangi antara satu sama lain, kemudian menzahirkan ketenangan dalam rumah tangga (Manshur, 2017). Sekiranya perkahwinan tidak dijaga dengan baik, ia boleh menyumbang kepada perceraian dalam rumah tangga. Walaupun Islam membenarkan perceraian bagi sesebuah rumah tangga, perbuatan tersebut tidak disukai oleh Allah SWT berdasarkan hadis:

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : (أبغض  
الحلال إلى الله الطلاق)

Maksudnya: Dari Ibnu Umar, dari Nabi SAW, beliau bersabda: Perceraian adalah perkara halal yang paling dibenci oleh Allah Azza Wajalla.

(HR.Abu Dawud, no. 2178)

Melalui perkahwinan, setiap pasangan suami isteri dapat mengatur kehidupan yang baik, sempurna dan saling bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, tidak semua perkahwinan yang dibina beroleh bahagia sehingga ke akhir hayat. Sebagaimana yang diketahui, sesebuah rumah tangga ada yang mengalami konflik dan krisis. Akibat dari masalah ini, menyebabkan berlaku perceraian dalam rumah tangga sehingga dapat memberi kesan kepada anak-anak.

Kajian-kajian terdahulu menyatakan bahawa terdapat pelbagai faktor perceraian yang berlaku dalam rumah tangga antaranya ialah kekurangan ilmu agama, faktor seksual, kewujudan pihak ketiga, pasangan tidak bertanggungjawab, masalah kesihatan, tidak berakhlek dan masalah ekonomi (Wan Murni, 2018). Faktor-faktor lain yang dikemukakan oleh

responden R1,R2,R3 dan R4 adalah disebabkan ayah seorang penagih dadah, tidak sefahaman, panas baran, percaduhan, tidak memberi nafkah secukupnya dan berkahwin secara rahsia dengan wanita lain (Syazwani, 2023).

Apabila manusia berpegang dengan agama dalam kehidupan, mereka boleh menilai yang mana benar dan yang mana batil. Melalui agama membolehkan manusia sentiasa hidup dalam harmoni, tenteram dan disiplin (Mohd Rizal, 2020). Sesungguhnya Allah mengetahui akibat yang akan terjadi sekiranya manusia tidak dipandu dengan agama, ia boleh menjadikan kehidupan manusia dalam keadaan sesat.

Allah berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِيْنًا

Maksudnya: “Pada hari ini telah ku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah ku cukupkan kepadamu nikmatku, dan telah ku redhai nikmat Islam itu menjadi agama bagimu”.

(Q.S. Al-Maidah 5: 3)

Terbukti dalam diri manusia mempunyai nafsu kerana nafsu sentiasa mengajak manusia untuk ke arah keburukan. Oleh kerana itu, bagi mengawal nafsu buruk, agama berperanan memainkan peranan penting dalam diri manusia. Setiap insan yang meletakkan agama sebagai panduan hidup yang paling teragung amat mustahil untuk terjebak ke arah perbuatan yang bertentangan dengan agama Islam yang begitu menitikberatkan kepada akhlak yang baik (Mohd Rizal, 2020).

Lantaran yang boleh dikaitkan dengan rumah tangga ialah apabila suami memimpin rumah tangga berpandukan pegangan agama, mereka akan membimbing rumah tangga tersebut dengan penuh keharmonian dan menunjukkan contoh yang baik kepada isteri dan anak-anak. Tauladan yang baik dapat mempengaruhi akhlak anak-anak kerana pernyataan ini bersesuaian dengan suatu hadis, Rasulullah SAW bersabda yang berbunyi: “Anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya menjadi Nasrani, Yahudi atau Majusi” (Riwayat Bukhari dan Muslim, no 1385) . Ia membawa makna anak-anak dilahirkan di dunia tidak mengetahui apa-apa dan tidak boleh membezakan yang mana baik dan yang mana buruk (Fouziah, 2019).

### **Jenis perceraian dan perbezaan sikap anak-anak terhadap kesan perceraian**

Temu bual ke atas anak-anak melalui penelitian terhadap perbezaan sikap anak-anak ibu bapa bercerai secara harmoni dan tidak harmoni. Kajian mendapati bahawa responden ibu bapa bercerai secara harmoni dan tidak harmoni mempunyai perbezaan terhadap sikap dalam diri anak-anak. Tidak kira sama ada ibu bapa yang bercerai secara harmoni dan tidak harmoni, ia sangat memberi kesan kepada anak-anak kerana situasi negatif atau positif boleh mempengaruhi fikiran manusia.

Manusia mempunyai kemampuan untuk berfikiran positif dalam sesuatu keadaan bagi menilai sesuatu perkara dan setiap perkara positif yang diambil boleh dijadikan sebagai satu pengalaman dalam hidup (Rohmah, 2012). Sekiranya seseorang itu berfikiran positif, ia akan

melahirkan sesuatu yang positif, manakala individu berfikiran negatif akan memperoleh hasil negatif (Peale, 2006).

Setiap anak mempunyai perasaan tersendiri apabila mengetahui ibu bapa mereka bercerai, sama ada tidak merasakan apa-apa di atas perceraian yang berlaku ataupun memberi kesan kepada mereka. Kesemua responden R1, R2, R3, R4 sama ada perceraian ibu bapa berlaku secara harmoni atau tidak harmoni menyatakan wujudnya perasaan sedih dalam diri apabila mengetahui ibu bapa mereka bercerai. Hal ini kerana disebabkan memikirkan beberapa perubahan yang akan berlaku dalam kehidupan mereka (Pusat Pakar Psikologi, 2023).

Anak-anak memikirkan perubahan yang akan berlaku dalam keluarga mereka seperti merasakan kehilangan kasih sayang dari seorang ayah yang secukupnya. Cinta dan kasih sayang adalah sebagai tali pengikat yang begitu kuat dalam merapatkan hubungan kekeluargaan (Siti Nur Jauharatul, 2018). Responden 1, R3, R4 turut berasa sedih apabila melihat keluarga yang lain hidup bahagia dan perasaan tersebut masih berlarutan sampai sekarang. Kasih sayang sangat penting dalam diri manusia kerana apabila seseorang anak itu mempunyai kasih sayang yang secukupnya daripada ayah, maka zahirlah sifat keprihatinan ayah kepada anak-anak.

Selain itu, anak-anak memikirkan masa depan keluarga yang akan kekurangan sumber kewangan disebabkan ketiadaan orang utama dalam mencari nafkah iaitu ayah. Hal ini adalah kerana, ibu terpaksa mengambil tanggungjawab mencari nafkah tersebut bagi mengantikan tugas bapa. Perceraian yang berlaku dalam rumah tangga kebiasaannya menyebabkan anak-anak tidak mendapat perbelanjaan yang secukupnya dan ada sesetengah keadaan yang mana anak-anak terpaksa berkorban tidak sekolah disebabkan tidak mampu untuk menampung pembelajaran (Nuraimrah, 2019).

### **Kesan emosi anak-anak terhadap perceraian ibu bapa**

Antara kesan emosi responden 1 terhadap perceraian yang berlaku ke atas kedua ibu bapa mereka ialah timbul perasaan tertekan dalam diri disebabkan perceraian yang berlaku secara tidak harmoni. Perceraian ini berlaku dengan cara mengganggu emosi anak-anak kerana responden merupakan anak yang paling banyak melihat hentaman pergaduhan kedua ibu bapa mereka sebelum bercerai. Perceraian yang berlaku menyebabkan anak sentiasa memikirkan dirinya kurang kasih sayang yang sepatutnya dari seorang ayah. Hal ini dialami sendiri oleh R1, katanya!.

R1: "Perasaan tu takleh nak bagitau, rasa tertekan, wani sejujur wani bagitau, wani kurang kasih sayang seorang abah dari dulu sapa loni. pastu bila ma abah cerai pulok, rasa sedih dan rasa kecewa dengan hidup walaupun masa tu mace budak lagi".

R1: "huk banyak keno hentaman, huk banyak tengok ma baloh, ore jah".

Responden 1 menyatakan dirinya begitu tertekan akan perceraian ibu bapa. Responden 1 juga menyatakan bahawa dirinya kurang kasih sayang seorang ayah dari kecil sehingga sekarang, malah dirinya berasa sedih dan kecewa dengan kehidupannya pada ketika itu.

Responden 3 juga menyatakan emosi terganggu apabila perlu memikirkan antara ibu dan ayah yang mana perlu dipilih untuk membuat keputusan untuk tinggal bersama. Keadaan ini menyebabkan anak-anak keliru yang mana perlu diutamakan, menjaga hati dan perasaan.

Timbul juga tekanan perasaan emosi apabila selalu melihat ibu bertungkus lumus mencari nafkah kepada anak-anak. Kesan perceraian ini menyumbang kepada trauma anak-anak untuk berkahwin dan kurang kepercayaan kepada lelaki, lebih-lebih lagi anak perempuan. Hal ini diakui sendiri oleh R1 dan R2.

Meskipun ibu bapa R2, R3, R4 bercerai secara harmoni, namun kesan kepada emosi turut terkena kepada mereka. Perceraian yang berlaku juga mengganggu emosi anak-anak dalam proses pembelajaran. Setengah responden menyatakan pembelajaran mereka terbantut disebabkan persekitaran masalah keluarga mereka. Anak-anak tidak boleh fokus akan pembelajaran kerana fikiran mereka teringat akan perceraian kedua ibu bapa mereka.

Akan tetapi R2 masih mempunyai fikiran yang positif menyatakan bahawa perceraian yang berlaku tidak memberi kesan sedikit pun kepada pembelajaran mereka kerana mereka berfikir untuk terus berjaya tanpa perlu melibatkan pembelajaran dengan masalah perceraian ibu bapa.

R2: "Kalau dari segi pembelajaran tu alhamdulillah okey jela, maksudnya ok la, sebab akak fikir ibu akak kerja sungguh-sungguh, takkan la akak taknak belajar bersungguh kan".

Dari segi dendam, keempat-empat responden tidak mempunyai perasaan dendam dan benci terhadap ibu bapa mereka walaupun ibu bapa mereka bercerai. Keputusan yang dilakukan oleh ibu bapa itu merupakan pilihan yang terbaik bagi masing-masing. Walaupun apa yang dilakukan oleh ibu bapa, tidak kira buruk mana pun dia tetap menjadi ibu bapa sampai bila-bila. Perceraian yang berlaku sama ada anak-anak setuju atau tidak akan perceraian tersebut, kasih dan sayang seorang anak tetap sama kepada ibu bapa mereka. Apa yang dapat dilihat contoh, responden 1 menyatakan dia tetap akan menjaga bapa sekiranya sakit, walhal bapanya sangat kejam kepada anak-anak seperti memukul anak-anak.

Keadaan sedemikian bersesuaian dengan perintah Allah SWT agar setiap manusia mestilah berbuat baik kepada kedua ibu bapa walau apa pun keadaan selagi mana ibu bapa tidak menyeru ke arah mungkar.

Firman Allah:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

(Q.S. Al-Isra' 17: 23)

Maksudnya: Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.

Dapatkan di atas mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara di antara dua jenis perceraian. Perceraian yang berlaku secara harmoni tidak memberi kesan sedikit pun kepada anak-anak untuk memberontak. Akan tetapi perceraian yang berlaku secara tidak harmoni sangat menyumbang kepada anak-anak untuk memberontak, dengan melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan tekanan dalam diri mereka. R1 yang ibu bapanya bercerai secara tidak harmoni menyatakan dirinya memberontak dengan sentiasa keluar lepak dengan kawan-

kawan kerana mahu mengelak dari mendengar ibu bapa mereka bergaduh. R1 juga membuat tindakan yang buruk seperti menghisap rokok untuk menghilangkan stress yang dihadapi.

Dari segi pesanan, keempat responden memberikan pesanan yang sama kepada ibu bapa yang lain sekiranya mempunyai anak. Walaupun perceraian yang berlaku antara kedua ibu bapa, mereka mestilah sentiasa bertanggungjawab ke atas anak mereka dan jangan melepaskan tangan sahaja apabila bercerai, lebih-lebih lagi ketua keluarga iaitu bapa. Hal ini telah dibuktikan juga dalam kajian bahawa kebanyakan bapa yang bercerai melepaskan tanggungjawab mereka dengan tidak memberi nafkah kepada anak-anak (Najwa, 2022).

Pemberian nafkah merupakan sesuatu kewajipan bapa yang patut diberikan kepada anak-anak. Nafkah yang diberikan mestilah bersesuaian dengan tahap kemampuan yang mampu diberikan kepada anak-anak. Sekiranya kewangan hanya sedikit, maka berilah sedikit nafkah tersebut, sekiranya ada lebih, berilah banyak. Hal demikian bersesuaian dengan perintah ayat di bawah yang menerangkan supaya berilah nafkah mengikut kemampuan agar tanggungjawab tersebut mudah dilaksanakan.

Firman Allah:

لِيُنْفِقُ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعْيِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقٌ فَلْيُنْفِقْ مَا ءَاتَاهُ اللَّهُ حَلَّ مِنْ كِلْفُ اللَّهِ نَفْسًا إِلَّا مَا ءَاتَهَا حَسِيْبَجَعْلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

(Q.S Al-Talaq 65: 7)

Maksudnya: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.

## Akta Undang-Undang Syariah

### Seksyen 72. Kewajipan Menanggung Nafkah Anak

- (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.
- (2) Kecuali seperti tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungan di bawah Hukum Syarak, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

Seterusnya, ibu bapa yang bercerai tidak boleh melibatkan anak-anak terhadap masalah yang dihadapi dalam rumah tangga. Sesetengah ibu bapa melepaskan tekanan masalahnya kepada anak-anak dan tanpa disedari mempengaruhi perkembangan emosi anak-anak (Rosyada, 2019). R1, R2, R3 dan R4 menyatakan bahawa, sekiranya perceraian ibu bapa berlaku, penjagaan anak-anak mestilah diambil berat supaya kedua belah pihak tidak mengabaikan anak-anak mereka. Pengabaian yang dilakukan oleh kedua ibu bapa sangat memberi kesan kepada anak-anak seperti rasa tidak dihargai dan merasakan kewujudan mereka ini hanya membebankan ibu bapa di dunia (Mohammad Ramzi, 2015).

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa perceraian yang berlaku di antara kedua ibu bapa sangat memberi kesan yang buruk kepada anak-anak khususnya seperti tekanan emosi, gangguan pembelajaran dan kurang kasih sayang dari seorang ayah. Ibu bapa perlu mengambil langkah bagi memastikan perceraian yang berlaku terhadap perceraian tidak memberi kesan yang begitu buruk kepada anak-anak kerana ada sahaja ibu bapa yang bercerai tetapi masih hidup bahagia bersama anak-anak.

Apa yang dapat pengkaji simpulkan ialah perceraian secara harmoni memberi kesan yang sederhana kepada anak-anak dan tidak keterlaluan dari segi sosial, manakala perceraian yang berlaku secara tidak harmoni sangat memberi impak negatif yang begitu banyak kepada kehidupan mereka.

## Rujukan

- Akta 303. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- Babbie, E. R. (2010). *The practice of Social Research*. London: Wadsworth .
- Fitriah, H. (2016). Profil Keluarga Bercerai dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Sosial Emosional Anak. *Jurnal Buah Hati*, 1-9
- Fouziah, A. (2019, Januari 18). *Sinar Harian*. Retrieved from Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/8331/sinar-islam/padah-hati-anak-terbeban>
- Hajah Siti Fatimah, B. A. (2002). Retrieved from www.ikim.gov.my: <https://www.ikim.gov.my/index.php/2002/05/12/menangani-perceraian-bagi-mengurangkan-kesan-negatifnya-terhadap-anak-anak/>
- Manshur, A. (2017). *Hukum Dan Etika Pernikahan Dalam Islam*. Indonesia: Universitas Brawijaya Press.
- Mohammad Ramzi, Z. (2015). Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 4.
- Mohd Rizal, A. R. (2020, Mei 29). *Harian Metro*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/05/583526/hidup-perlu-berlandaskan->

panduan-

agama#:~:text=Dengan%20berpandukan%20kepada%20ajaran%20agamalah,yang%20 hidup%20bebas%20tanpa%20peraturan.

Najwa, F. (2022). Hak Anak-Anak Dalam Pengurusan Nafkah Menurut Perspektif Keluarga Islam. *International Journal Of Law, Government And Communication*, 2.

Noor Syaibah, S. N. (2016). Penceraihan Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial*, 6-10.

Norhayati Zulkefli, Z. M. (2016). Remaja daripada Ibu Bapa yang Bercerai di Malaysia: Suatu Penelitian Eksplorasi Emosi. *Malaysian Journal of Society and Space*, 150-159.

Nuraimirah, Z. (2019). Kesan Perceraian Ke Atas Kanak-Kanak: Perspektif Pekerja Sosial. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 7.

Patton, Q. (1990). *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hill, California: Sage Publication.

Peale, D. V. (2006). *The Power Of Positive Thinking*. United Kingdom: Orient Paperbacks.

Pusat Pakar Psikologi, J. D. (2023, march 9). *Kanak-Kanak & Tekanan : Penceraihan Ibu Bapa*. Retrieved from Kanak-Kanak & Tekanan : Penceraihan Ibu Bapa: <https://jiwadama.com/2023/03/09/kanak-kanak-tekanan-penceraihan-ibu-bapa/>

Rosyada, N. (2019). Dampak Perceraian Terhadap Perkembangan Emosi Anak . *Journal of Multidisciplinary Studies*, 12.

Rohmah, L. (2012, Julai 16). Hubungan Antara Berfikir Positif Dengan Kepatuhan Pada Aturan. *Hubungan Antara Berfikir Positif Dengan Kepatuhan Pada Aturan*, pp. chapter2, page 2.

Siti Nur Jauharatul, U. (2018). Nilai-nilai pendidikan Kasih Sayang. *Institut Agama Islam Negeri Salatiga*, 2.

Sayyid Sabiq. 2004. *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Hadis.

Syazwani, U. A. (2023, 3, 23-29). Sebab Penceraihan berlaku dalam keluarga kamu. (M. Jameelah, Interviewer)

Siti Nor Syafiqah, M. N. (2019). Emosi Pelajar Akibat Penceraihan Ibu Bapa. *Sains Humanika*, 1-9.

Virginia, B. (2006). Using Thematic Analysis In Psychology. *University Of The West Of England*, 6.

Wan Murni, B. W. (2018). Analisis Punca Perceraian Dalam Kalangan Remaja. *Fikiran Masyarakat*, 3-4.